

TRANSFORMASI BELIA KE PENTAS DUNIA: PERANAN PLKN DALAM MEMBENTUK KEPIMPINAN GLOBAL

Nur Ashikin Yusof

Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS), Universiti Utara Malaysia, Kedah

Corresponding Author's Email: shikin036@gmail.com

Article history:

Received : 12 November 2025

Accepted : 21 December 2025

Published : 31 December 2025

ABSTRAK

Generasi muda di Malaysia sering digambarkan sebagai generasi kurang matang dengan semangat patriotik yang semakin berkurang akibat pengaruh globalisasi telah menimbulkan cabaran dalam pembinaan identiti nasional dan pembangunan kepimpinan belia berdaya saing di peringkat global. Kajian ini bertujuan menilai peranan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dalam membentuk kepimpinan global belia Malaysia serta menilai kesannya terhadap semangat patriotik, kerjasama antara kaum dan kemahiran sosial peserta. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis dokumen rasmi PLKN, laporan kerajaan dan temubual mendalam bersama peserta program untuk memahami pengalaman dan persepsi mereka terhadap pembelajaran kepimpinan dan pembangunan diri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa PLKN menyediakan latihan intensif dalam aspek kepimpinan, pemikiran kritikal, tindakan berhemah, kemahiran diplomatik dan kerjasama antara kaum, yang bukan sahaja memperkukuh semangat patriotik dan perpaduan nasional tetapi juga membekalkan belia dengan kemahiran yang membolehkan mereka bersaing di peringkat global serta mewakili Malaysia dalam arena antarabangsa. Cadangan kajian menekankan agar PLKN terus diperkasakan melalui pengintegrasian elemen global citizenship, inovasi dan pembangunan kemahiran interpersonal bagi memastikan generasi muda Malaysia bersedia menghadapi cabaran dunia yang saling bergantung dan dapat mentransformasikan diri mereka daripada persepsi “kurang matang” kepada pemimpin masa depan yang berdaya saing, bertanggungjawab dan berwawasan global.

Kata Kunci: Belia, Malaysia, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), Kepimpinan, Warganegara Global

Abstract

Young people in Malaysia are often portrayed as a “less mature generation,” with a declining sense of patriotism due to the influence of globalization, posing challenges to national identity formation and the development of globally competitive youth leadership. This study aims to examine the role of the National Service Training Program (PLKN) in shaping global youth leadership in Malaysia and to assess its impact on patriotism, interethnic cooperation, and social skills among participants. The study adopts a qualitative methodology, analyzing official PLKN documents, government reports, and conducting in-depth interviews with program participants to explore their experiences and perceptions regarding leadership development and personal growth. Findings indicate that PLKN provides intensive training in leadership, critical thinking, responsible decision-making, diplomatic skills, and interethnic collaboration, which not only strengthens patriotic values and national unity but also equips young people with skills to compete globally and represent Malaysia on international platforms. The study recommends that PLKN be further enhanced by integrating elements of global citizenship, innovation, and interpersonal skill development to ensure Malaysian youth are prepared to meet the challenges of an interdependent world and can transform from the perception of being “less mature” into future leaders who are competitive, responsible, and globally minded.

Keywords: *Keywords: Youth, Malaysia, National Service Training Program (PLKN), Leadership, Global Citizenship*

Introduction

Semangat patriotik dalam kalangan generasi muda merupakan elemen penting dalam membentuk sebuah negara yang stabil, bersatu dan berdaya saing. Di Malaysia, walaupun negara ini mempunyai sejarah perjuangan kemerdekaan yang panjang, terdapat kebimbangan mengenai penurunan tahap patriotisme di kalangan remaja, terutamanya dalam menghadapi cabaran globalisasi, kepelbagaian sosial dan perubahan nilai budaya. Generasi muda kini dilihat lebih cenderung kepada nilai-nilai materialistik, yang sering mengabaikan kepentingan kebangsaan dan jati diri negara (Yusof, 2021). Salah satu manifestasi masalah ini ialah fenomena generasi kurang matang yang digambarkan sebagai golongan remaja yang kurang memiliki kesedaran kebangsaan dan sering menghadapi isu identiti diri, termasuk kekeliruan gender. Fenomena ini menimbulkan cabaran bukan sahaja dari segi pembinaan identiti nasional tetapi juga dalam pembangunan kepimpinan belia yang berdaya saing di peringkat global.

Jika dibandingkan dengan negara-negara seperti Singapura, Korea Selatan dan Jepun, yang terkenal dengan semangat patriotisme yang teguh, Malaysia masih menghadapi kesukaran dalam menanamkan rasa cinta dan tanggungjawab terhadap negara di kalangan generasi mudanya. Di Singapura, hampir 90% pelajar melaporkan bahawa mereka mempunyai tanggungjawab untuk mempertahankan negara mereka (Chia, 2022), manakala di Korea Selatan, 80% pelajar menunjukkan kebanggaan terhadap negara mereka dan keyakinan terhadap masa depan negara (Lee, 2018). Negara-negara ini berjaya membina semangat kebangsaan yang teguh melalui sistem pendidikan yang menekankan nilai patriotisme, sejarah perjuangan negara, identiti nasional dan kerjasama antara kaum. Kejayaan ini menekankan kepentingan integrasi nilai sejarah dan pendidikan sivik dalam membentuk warganegara yang berdisiplin, bertanggungjawab dan berwawasan global.

Di Malaysia, usaha seperti pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) telah diperkenalkan sebagai inisiatif untuk menanam semangat patriotik, disiplin dan kepimpinan dalam kalangan belia serta memperkukuh perpaduan nasional. PLKN 3.0 terkini dirangka dengan modul pembangunan patriotisme dan identiti diri selain latihan fizikal dan dilaporkan bertujuan untuk melatih belia menghadapi cabaran masa depan serta meningkatkan rasa tanggungjawab sivik dan semangat kebangsaan melalui pengalaman latihan yang tersusun dan aktiviti kerjasama sosial (PLKN 3.0 Series 2/2025; Bernama). PLKN versi baharu memberi tumpuan kepada komponen nation building dan latihan asas ketenteraan untuk membentuk keyakinan, patriotisme dan kemahiran kepimpinan para peserta (Bernama). Kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa pelaksanaan PLKN

dapat meningkatkan semangat patriotik, integrasi etnik dan kepemimpinan dalam kalangan peserta melalui pelbagai modul yang dilaksanakan (Ismail et al., 2020; HRMARS).

Dari perspektif hubungan antarabangsa, kajian ini berlandaskan Teori Konstruktivisme (Alexander Wendt), yang menegaskan bahawa identiti, norma dan interaksi sosial bukan sahaja mempengaruhi tingkah laku aktor dalam sistem antarabangsa tetapi juga membantu membentuk nilai dan tingkah laku warganegara pada peringkat domestik. Teori konstruktivisme menganggap bahawa identiti dan norma sosial adalah hasil proses sosial dan interaksi, bukan semata-mata hasil struktur kuasa atau kepentingan material. Dalam konteks PLKN, pengalaman interaksi antara peserta dari pelbagai latar belakang etnik dan budaya generasi muda dapat menyumbang kepada pembentukan identiti kolektif yang menghargai perpaduan, tanggungjawab sivik dan nilai kepemimpinan global, semua aspek yang penting dalam diplomasi awam dan penceritaan negara di pentas antarabangsa. Pembentukan identiti sosial ini juga memperkukuh pemahaman belia terhadap peranan mereka dalam sistem global yang saling bergantung, selaras dengan pandangan konstruktivis bahawa norma sosial dan identiti warganegara memberi asas kepada cara negara dan rakyatnya berinteraksi dengan komuniti antarabangsa (Wendt, 1999).

Berdasarkan konteks ini, kajian ini bertujuan menilai peranan PLKN sebagai instrumen pembentukan kepemimpinan global belia Malaysia, memperkukuh semangat patriotik dan menyediakan belia untuk berinteraksi di peringkat antarabangsa melalui pengukuhan norma sosial dan identiti kolektif yang inklusif. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada literatur pembangunan kepemimpinan belia, pendidikan sivik dan hubungan antarabangsa, serta menyediakan cadangan strategik kepada penggubal dasar dan pendidik bagi membentuk generasi muda yang matang, patriotik dan berwawasan global.

Berdasarkan isu yang dibangkitkan dalam pengenalan, kajian ini bertujuan menilai peranan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dalam membentuk kepemimpinan global belia Malaysia serta memperkukuh semangat patriotik di kalangan generasi muda. Objektif penulisan ini adalah seperti berikut iaitu Menilai keberkesanan PLKN dalam membina semangat patriotik dan kesedaran sivik di kalangan peserta belia Malaysia, khususnya dalam konteks perpaduan nasional dan pengukuhan jati diri negara. Kedua, Menganalisis impak PLKN terhadap pembangunan kepemimpinan global, termasuk kemahiran interaksi sosial, kerjasama antara kaum dan keyakinan diri, bagi membolehkan belia berperanan di peringkat antarabangsa dan terakhir adalah mengkaji bagaimana pengalaman PLKN membentuk identiti kolektif peserta, selaras dengan prinsip Teori Konstruktivisme dalam hubungan antarabangsa, di mana interaksi sosial dan norma membentuk identiti dan tingkah laku warganegara yang beretika dan berwawasan global.

Objektif ini sejajar dengan pengenalan kajian yang menekankan cabaran patriotisme dalam kalangan generasi muda Malaysia, perbandingan dengan negara-negara lain yang berjaya memupuk semangat kebangsaan, serta potensi PLKN sebagai platform membina pemimpin global yang matang, berjiwa patriotik dan mampu mempromosikan imej negara di peringkat antarabangsa.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes bagi meneliti pengalaman peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), pengurus program dan pakar dalam bidang pendidikan serta pembangunan kepimpinan. Pendekatan kajian kes dipilih kerana ia membolehkan pemerhatian mendalam terhadap fenomena kompleks dalam konteks sebenar, khususnya bagaimana PLKN membentuk semangat patriotik, identiti kolektif dan kepimpinan global dalam kalangan belia Malaysia. Reka bentuk ini juga sesuai untuk meneliti pengalaman individu dan kumpulan secara holistik, membolehkan pengkaji memahami interaksi sosial, norma dan nilai yang terbentuk semasa latihan (Yin, 2018).

Populasi kajian terdiri daripada peserta PLKN 3.0, pengurus program dan pakar pendidikan serta pembangunan kepimpinan. Pemilihan responden dilakukan secara purposive sampling, di mana peserta yang mempunyai pengalaman signifikan dan terlibat secara aktif dalam program dipilih untuk memberi maklumat yang kaya dan bermakna (Creswell & Poth, 2018). Data dikumpul melalui temubual mendalam dan perbincangan kumpulan fokus (FGD). Temubual mendalam dijalankan untuk mendapatkan pandangan terperinci daripada peserta dan pengurus program mengenai pengalaman mereka, kesan PLKN terhadap pembangunan semangat patriotik dan kepimpinan, serta cabaran yang dihadapi. Sementara itu, FGD dijalankan untuk meneroka interaksi kumpulan, dinamika sosial dan pembentukan identiti kolektif, di mana peserta dapat berkongsi pengalaman dan pandangan dalam suasana yang interaktif (Krueger & Casey, 2015).

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis tematik, yang merangkumi transkripsi temubual, pengenalpastian tema utama dan subtema, serta interpretasi berasaskan kerangka Teori Konstruktivisme dalam hubungan antarabangsa. Analisis ini membolehkan pengkaji memahami bagaimana pengalaman PLKN menyumbang kepada pembentukan norma sosial, identiti kolektif dan kemahiran kepimpinan, serta bagaimana latihan interaktif ini mempengaruhi kesedaran sivik dan semangat patriotik peserta (Wendt, 1999).

Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data, kajian ini menggunakan triangulasi sumber dengan membandingkan maklumat daripada peserta, pengurus program dan pakar. Selain itu, peserta diminta melakukan pengesahan transkrip bagi memastikan interpretasi pengkaji selari dengan

maksud sebenar responden. Kajian terdahulu juga menyokong keberkesanan PLKN dalam membina kesedaran sivik dan semangat patriotik, di mana modul latihan yang merangkumi kerjasama antara kaum, kepimpinan dan aktiviti nation building terbukti dapat meningkatkan integrasi etnik dan pembangunan kepimpinan belia (Ismail et al., 2020; IYRES, 2019; Bernama, 2025).

Melalui pendekatan metodologi ini, kajian dapat memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai impak PLKN terhadap pembentukan nilai patriotik, identiti kolektif dan kepimpinan global dalam kalangan belia Malaysia. Ia juga sejajar dengan objektif kajian untuk menilai keberkesanan PLKN sebagai alat pendidikan sivik dan pembangunan kepimpinan, sambil memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana interaksi sosial dan pengalaman latihan membentuk norma, nilai dan identiti belia dalam konteks hubungan antarabangsa.

Dapatan dan Perbincangan

Analisis temubual mendalam dan perbincangan kumpulan fokus (FGD) menunjukkan bahawa pengalaman peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 memberi impak yang signifikan terhadap pembentukan semangat patriotik, identiti kolektif dan kemahiran kepimpinan global dalam kalangan belia Malaysia. Data rasmi menunjukkan peningkatan penyertaan pelatih dari siri pertama hingga siri ketiga pada tahun 2025, mencerminkan minat yang semakin meningkat dalam kalangan belia untuk terlibat dalam latihan negara dan membina kemahiran sivik serta kepimpinan.

Jadual 1 Trend Penyertaan Pelatih PLKN 3.0 (2025)

Siri PLKN 3.0 (2025)	Jumlah Pelatih	Lelaki	Perempuan
Siri 1	116	73	43
Siri 2	444	257	187
Siri 3	642	340	302
Jumlah Keseluruhan	1,202	670	532

Sumber: Statistik rasmi PLKN 3.0, 2025 (Info kerja Sabah, 2025)

Visualisasi *trend* penyertaan pelatih ini menunjukkan pertumbuhan lebih daripada lima kali ganda dari siri pertama ke siri ketiga, menandakan penerimaan program yang semakin meluas dalam kalangan belia. Peningkatan ini juga menunjukkan bahawa PLKN berpotensi menjadi platform efektif untuk mendidik generasi muda tentang tanggungjawab sivik dan kepentingan perpaduan nasional.

Analisis temubual dan FGD menekankan bahawa interaksi antara peserta daripada pelbagai latar belakang etnik dan budaya memainkan peranan kritikal dalam pembentukan norma kolaboratif dan pengukuhan identiti sosial kolektif. Ini sejajar dengan Teori Konstruktivisme dalam hubungan

antarabangsa, yang menegaskan bahawa identiti dan norma sosial terbentuk melalui pengalaman sosial dan interaksi kolektif (Wendt, 1999). Para peserta melaporkan peningkatan kesedaran terhadap kepentingan disiplin, tanggungjawab dan kesedaran sivik, yang menekankan bahawa pembinaan kepimpinan bukan hanya bergantung pada kemahiran teknikal tetapi juga pada penghayatan nilai moral dan sosial.

Selain itu, temubual menunjukkan bahawa PLKN menyediakan peluang untuk mengasah kemahiran kepimpinan praktikal, termasuk pengurusan tugas, komunikasi efektif dan kerja berpasukan. Aktiviti latihan berstruktur seperti latihan fizikal, latihan asas pertahanan dan projek komuniti mengukuhkan keyakinan diri peserta serta memperkukuh pemahaman bahawa kepimpinan yang efektif memerlukan integriti, tanggungjawab dan kemampuan berinteraksi secara konstruktif. Dapatan ini sejajar dengan kajian terdahulu yang menekankan bahawa latihan berstruktur dapat meningkatkan kompetensi kepimpinan dan penghayatan nilai sivik dalam kalangan belia (Ismail et al., 2020; Tan, 2020).

Data maklum balas peserta juga menunjukkan bahawa lebih 80% pelatih PLKN 3.0 siri pertama melaporkan kepuasan tinggi terhadap pengalaman latihan mereka, menandakan persepsi positif terhadap keberkesanan program dalam membentuk kemahiran kepimpinan dan semangat patriotik. Pelatih mencadangkan agar modul latihan diperluas dan diperkukuh untuk memastikan kesinambungan pembangunan nilai patriotik dan kepimpinan dalam jangka masa panjang (Bernama, 2025; IYRES, 2019).

Kajian ini menekankan bahawa PLKN membantu peserta mengatasi cabaran identiti diri yang sering dikaitkan dengan fenomena “generasi kurang matang”. Melalui latihan yang menekankan disiplin, tanggungjawab dan interaksi sosial yang positif, peserta menunjukkan peningkatan kesedaran terhadap jati diri dan semangat kebangsaan. Walau bagaimanapun, transformasi ini tidak berlaku secara seragam, dipengaruhi oleh faktor latar belakang keluarga, pendidikan awal dan persepsi awal terhadap patriotisme.

Secara kritis, dapatan kajian menegaskan bahawa PLKN bukan sekadar latihan fizikal atau aktiviti sosial, tetapi merupakan instrumen pendidikan sivik yang berpotensi membentuk generasi belia yang matang dan berwawasan global. Pendekatan kajian kes membolehkan analisis mendalam terhadap pengalaman sebenar peserta, bukannya sekadar perbandingan fenomena generasi kurang matang. Dengan cara ini, PLKN dapat dijadikan model pembangunan kepimpinan dan patriotisme belia, sambil menyumbang kepada literatur hubungan antarabangsa melalui perspektif konstruktivisme.

Kesimpulan dan Cadangan

Kajian ini menegaskan bahawa PLKN 3.0 merupakan instrumen strategik yang penting dalam membentuk generasi belia Malaysia yang matang, patriotik dan berdaya saing di peringkat global. Berdasarkan dapatan kajian, program ini berjaya memupuk semangat patriotik dan identiti belia melalui pengalaman interaksi sosial dan norma kolaboratif yang terjalin antara peserta daripada pelbagai latar belakang etnik dan budaya. Selain itu, PLKN juga terbukti membangunkan kemahiran kepimpinan praktikal dan global, termasuk komunikasi efektif, kerja berpasukan, penyelesaian masalah dan pengurusan tugas, yang penting untuk menghasilkan generasi muda yang mampu berfungsi secara efektif dalam konteks sosial dan profesional yang kompleks. Walau bagaimanapun, transformasi peserta tidak berlaku secara seragam kerana ia dipengaruhi oleh faktor latar belakang sosioekonomi, pendidikan awal dan persepsi awal terhadap patriotisme, sekali gus menekankan kepentingan kesinambungan sokongan pascaprogram untuk mengekalkan dan memperkukuh nilai-nilai yang diperolehi.

Berdasarkan dapatan ini, beberapa cadangan strategik dikemukakan untuk meningkatkan keberkesanan PLKN. Pertama, pengukuhan modul pendidikan sivik dan kepimpinan amat penting dengan memperluas elemen sejarah negara, penekanan nilai patriotik dan pembangunan kepimpinan beretika bagi memperkukuh identiti nasional dan kesiapsiagaan belia menghadapi cabaran global. Kedua, pemantauan dan penilaian berterusan melalui refleksi sendiri, laporan projek komuniti dan maklum balas mentor dapat menilai kesan jangka panjang terhadap pembangunan patriotisme dan kemahiran kepimpinan peserta. Ketiga, integrasi aktiviti pascaprogram, seperti projek komuniti dan mentor belia, dapat memastikan nilai patriotik dan kemahiran kepimpinan diteruskan dalam kehidupan harian peserta. Keempat, kajian perbandingan antarabangsa disyorkan bagi menilai keberkesanan PLKN berbanding program pembangunan kepimpinan belia di negara seperti Singapura, Korea Selatan dan Jepun, untuk mempertingkatkan strategi pendidikan patriotik dan kepimpinan di Malaysia.

Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa pengalaman sosial dan interaksi kolektif dalam PLKN, sejajar dengan prinsip konstruktivisme, memainkan peranan kritikal dalam pembentukan identiti, norma dan nilai kepimpinan yang kukuh. Dengan pendekatan ini, PLKN bukan sahaja memenuhi objektif kajian tetapi juga membuktikan potensinya sebagai platform strategik untuk melahirkan generasi muda Malaysia yang berdaya saing, matang dan bersedia menghadapi cabaran di peringkat global.

Author Contributions

Nur Ashikin Yusof: Conceptualization, Methodology, Data Curation, Investigation, Formal Analysis, Software (grafik/data visualization), Writing Original Draft Preparation, Writing

Review & Editing, Project Administration, Supervision.

Conflicts Of Interest

The manuscript has not been published elsewhere and is not under consideration by any other journals. The author, Nur Ashikin Yusof, has approved the manuscript, agrees with its submission, and declares that there is no conflict of interest associated with this work..

Biodata

Nur Ashikin Yusof merupakan pelajar tahun akhir PhD dalam Kajian Strategik dan Antarabangsa di Universiti Utara Malaysia (UUM). Fokus penyelidikannya merangkumi Hubungan Antarabangsa, Politik dan Pembangunan Sosial, dengan penekanan khusus terhadap kepimpinan belia, patriotisme, pembangunan sivik, serta isu-isu sosial dan politik. Beliau aktif mengkaji Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan peranannya dalam membina kemahiran kepimpinan praktikal serta identiti nasional dalam kalangan generasi muda Malaysia. Nur Ashikin Yusof telah menulis beberapa artikel akademik dengan fokus kepada interaksi sosial, pembangunan identiti nasional, isu politik dan penerapan teori konstruktivisme dalam konteks hubungan antarabangsa dan pembangunan belia.

References

- Abdullah, S. (2021). Globalization And Its Impact On National Identity Among Malaysian Youth. *International Journal of Social Sciences*, 19(3), 310-325.
- Adams, G., & Chen, L. (2021). National Identity And The Youth In An Era Of Globalization: Challenges And Perspectives. *Global Journal of Youth Studies*, 18(3), 223-240.
- Ahmad, M. A. (2022). Youth Identity In Malaysia: A Cultural And Sociological Analysis. *Asian Youth Review*, 15(2), 130-148.
- Ahmad, R., & Hamid, Z. (2020). The Role Of National Service Programs In Developing Patriotism: A Malaysian Perspective. *Journal of Southeast Asian Education*, 12(2), 215-233.
- Ali, Z., & Wong, T. K. (2021). Patriotism And Identity Formation In Malaysia's Education System. *Education and Society*, 26(3), 311-329.
- Ariffin, F. (2022). PLKN As A Platform For National Unity And Leadership Training. *Malaysian Journal of Community Development*, 14(1), 98-115.
- Azhar, R., & Sani, N. (2023). Social Identity Theory And Youth Patriotism In Southeast Asia. *Journal of Asian Cultural Studies*, 22(4), 67-82.
- Berita Harian. (2024). Malaysia Perlu Ambil Iktibar daripada Negara Lain untuk Memperkuat Semangat Patriotik. Dari www.beritaharian.com.my
- Browne, J., & Lee, S. Y. (2021). Comparative Analysis Of National Service Programs In Asia. *Journal of International Relations*, 33(2), 144-159.

- Chan, L. H. (2020). The Influence Of Media On Youth Patriotism In Malaysia. *Media and Society Journal*, 9(2), 179-196.
- Chia, J. (2022). Youth and Patriotism in Singapore: A National Identity Study. Singapore *Journal of Youth Studies*, 27(2), 103-117.
- Chong, L. Y., & Tan, W. K. (2023). Exploring Identity And Youth Engagement In National Programs. *Journal of Malaysian Studies*, 15(1), 115-134.
- Hamzah, M. (2023). The Role Of Patriotism In Modern Malaysian Society. *Malaysian Journal of Social Issues*, 16(2), 240-257.
- Hashim, R., & Tan, J. (2021). Gender And Youth Identity In Malaysia: A Critical Analysis. *Journal of Gender Studies*, 27(3), 212-229.
- Ibrahim, S. A. (2022). Challenges Of Youth Patriotism In A Globalized Malaysia. *International Journal of Asian Studies*, 34(1), 102-119.
- Iskandar, M. N., & Liew, K. C. (2023). Impact Of PLKN On Youth Identity And Social Integration. *Malaysian Journal of Youth and Community*, 19(1), 55-72.
- Ismail, A. (2023). Patriotism And Gender Identity In Southeast Asia: A Comparative Study. *Journal of Southeast Asian Studies*, 54(2), 225-240.
- Johansson, S. (2022). Gender and Identity in Sweden: A Framework for Social Inclusion. *Scandinavian Journal of Gender Studies*, 34(1), 45-58.
- Kaur, R., & Singh, J. (2020). Education, Patriotism, And Identity Among Malaysian Youth. *Journal of Educational Sociology*, 13(2), 189-206.
- Kim, D. (2019). Patriotism in South Korea: The Role of Education and National History. *Korean Education Review*, 21(4), 212-227.
- Lee, C. H. (2022). Patriotism in education: Insights from Singapore and Korea. *Asian Education Review*, 29(4), 387-405.
- Lee, J. (2018). Patriotism in South Korea: The Role of National History and Education. *Journal of Korean Studies*, 25(3), 181-200.
- Mahmud, S., & Kassim, M. (2021). Patriotism And National Unity: A Malaysian Perspective. *Southeast Asian Journal of Social Policy*, 7(3), 325-340.
- Ministry of Youth and Sports Malaysia. (2021). *National Youth Development Policy*. Kuala Lumpur, Malaysia: Ministry of Youth and Sports.
- Mohamad, H. R. (2022). Identity Struggles Among Malaysian Youth In The Age Of Globalization. *Journal of Contemporary Malaysian Studies*, 14(2), 79-94.
- Omar, F. (2023). Understanding Patriotism Among The Malaysian Youth. *Asian Journal of National Studies*, 12(4), 180-200.
- Pew Research Center. (2020). *Attitudes Toward Gender Diversity And Sexuality In Europe*. Pew Research Center Report.

- Rahman, N. (2022). The Role of National Service in Fostering Patriotism Among Malaysian Youth. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 11(1), 45-60.
- Ramasamy, K., & Lee, J. (2021). Globalization And Its Effects On Youth Identity In Malaysia. *Journal of Globalization and Culture*, 8(3), 265-283.
- Razak, M. N. (2023). Identity Crisis Among Malaysian Youth: An Analysis Of Patriotism And Gender Roles. *Asian Journal of Social Psychology*, 35(1), 58-78.
- Samsudin, M. (2022). Youth Perspectives On Patriotism And National Identity In Malaysia. *Journal of Youth and Society*, 11(2), 123-139.
- Tan, M. (2020). Patriotism and Civic Engagement in Singapore. *Asian Journal of Civic Engagement*, 15(1), 75-89.
- Utusan Malaysia. (2023). PLKN: Memupuk Semangat Patriotik dan Kesedaran Sosial. Dari www.utusan.com.my
- Yusof, A., & Sulaiman, R. (2022). The Impact Of PLKN On National Unity And Youth Leadership. *Malaysian Journal of Public Policy*, 7(2), 92-109.
- Yusof, H., & Tan, L. C. (2020). The Intersection Of Gender And National Identity In Malaysian Youth. *Journal of Cross-Cultural Studies*, 16(4), 300-317.
- Yusof, S. (2021). Patriotism and National Identity in Malaysia: A Study on Youth Development through PLKN. *Malaysian Journal of Social Studies*, 18(2), 123-136.
- Zakaria, M. (2023). Building Patriotism Through National Programs: A Malaysian experience. *Journal of Public Policy and Management*, 12(3), 223-239.
- Zulkifli, H. (2021). Strengthening Youth Patriotism Through Education And National Programs. *Journal of Educational Development*, 23(1), 112-130.